

Headline	THT makin hampir		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	22 Sep 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	76
Section	Arena	Journalist	Saiful Affendy
ArticleSize	405 cm ²		
PR Value	RM 47,864		



PEMAIN THT membuat hantaran bola di hadapan gawang pasukan Maybank pada perlawanan separuh akhir pertama Piala TNB.

THT makin hampir

■ Benam Maybank 6-1 pada aksi separuh akhir pertama

Saiful Affendy Sapran
 saifulaffendy@metro.com.my

Kuala Lumpur

Tiket final Piala TNB hampir pasti menjadi milik Terengganu Hockey Team (THT) selepas bertahan itu meraah kemenangan selesa 6-1 ke

atas Maybank pada aksi separuh akhir pertama semalam.

Meskipun meraih bekalan selesa menjelang aksi timbal balik esok, ketua jurulatih THT Sarjit Singh tetap ber tegas bartsan pemainnya perlu terus mengekalkan rentak konsisten itu.

"Kami baru saja melepassi halangan pertama dan masih

ada satu lagi perlawanan Jumat ini.

"Selagi saingan belum ber akhir, bermakna kami juga belum boleh mengatakan sudah layak ke final. Jumaat ini penentu.

"Apapun, jumlah jaringan hari ini (semalam) sangat bagus. Setiap pemain beraksi dengan baik."

"Walaupun ketinggalan

0-1 di awal permainan, pemain saya bangkit untuk menerusi jaringan padang," katanya.

Berlangsung di Stadium Hoki Pantai, THT, bagaimanapun ketinggalan seawal minit ke-7 selepas pemain Maybank, Muhammad Firdaus Fauzi menjaringkan gol padang.

Begitupun penyerang THT,

Ismail Abu menyamakan kedudukan pada minit ke-16 menerusi jaringan padang.

Pemain negara Faizal Saari menambah gol kedua minit ke-44 menerusi jaringan padang sebelum Ismail meledak gol ketiga pada minit ke-49.

THT kemudian memperoleh tiga gol pantas pada 10 minit terakhir menerusi pu

kulan sudut penalti tonggak import Jang Jonghyun pada minit ke-50 serta dua gol padang Faizal dan Muhammad Amirul Mirza Rozi masing-masing minit ke-53 dan 57.

Sementara itu, satu lagi aksi separuh akhir pertama menyaksikan Sapura mewaskan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) 3-1.

"Selagi saingan belum berakhir, bermakna kami juga belum boleh mengatakan sudah layak ke final. Jumaat ini penentu
Sarjit Singh